

# Siapakah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) Anda?



Siri 015

2005

Edisi Kedua

**Nota:**

*Semua maklumat dan kenyataan di dalam risalah ini disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengandungi segala pindaan hingga 1 April 2005. Tulisan berwarna merah adalah fakta tambahan.*

## SENARAI RISALAH YANG BERKAITAN

|     |  |
|-----|--|
| 001 | Apakah Rancangan Pemajuan?   |
| 002 | Keberanian Merancang   |
| 003 | Mengapa Perlu Laporan Cadangan Pemajuan?   |
| 004 | Bagaimana Menggunakan Keberanian Merancang?  |
| 005 | Penguatkuasaan Perancangan Bandar  |
| 006 | Caj Pemajuan   |
| 007 | Lembaga Rayuan Perancangan Bandar  |
| 008 | Notis Rekuisi (Permintaan)   |
| 009 | Notis Pembelian  |
| 010 | Tahukah Anda Pokok Mempunyai Hak?  |
| 011 | Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah   |
| 012 | Garis Panduan dan Piawaian Perancangan   |
| 013 | Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di Semenanjung Malaysia |
| 014 | Mengenali Perancangan Bandar dan Desa  |
| 015 | Siapa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) Anda?   |
| 016 | Apakah Pembangunan Mampan?   |
| 017 | Local Agenda 21  |
| 018 | Apakah Peranan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?   |
| 019 | Undang-Undang Perancangan Bandar   |

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Bahagian Perundangan, Perancangan dan Kawal Selia  
**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEMENANJUNG MALAYSIA**  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jalan Cenderasari  
50646 Kuala Lumpur  
Tel: 603-2698 9211 Fax: 603-2698 7371  
[www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my)



## Siapakah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Anda?

- ❑ Setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) ialah pihak berkuasa yang ditubuhkan bawah undang-undang termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- ❑ Subseksyen 5(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menjadi pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT).
- ❑ Ini bermaksud mana-mana PBT seperti majlis daerah, majlis perbandaran, majlis atau dewan bandaraya atau mana-mana perkataan lain yang bermaksud ia sebagai PBT adalah PBPT dalam kawasan pentadbirannya.
- ❑ **Subseksyen 5(2) memperuntukkan** bagi kawasan di luar sesebuah PBT, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri ialah PBPT bagi kawasan tersebut.
- ❑ Secara khususnya, setiap PBT mempunyai jabatan atau unit perancangan bandarnya. Jabatan atau unit ini adalah unit yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan bandar bagi kawasan pentadbiran PBT tersebut.


## Apakah Fungsi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan?

- ❑ PBT merupakan **hierarki** ketiga di dalam sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- ❑ PBT terletak di bawah Kerajaan Tempatan yang mana ia mempunyai urusan secara langsung dengan penduduk tempatan.
- ❑ PBPT merupakan pihak yang mengendalikan urusan perancangan yang berkaitan dengan hal ehwal tempatan.
- ❑ Fungsi PBPT adalah berkait rapat dengan urusan perancangan yang dijalankan di peringkat tempatan yang mana ia menawarkan khidmat kepada orang awam.
- ❑ Antara fungsi yang ditonjolkan daripada PBPT ialah:
  - ▶ Memproses permohonan pelan pembangunan yang dikemukakan;
  - ▶ mengawal aktiviti pembangunan gunatanah melalui pemakaian akta dan garis panduan;
  - ▶ mengeluarkan garis panduan dan piawaian perancangan yang terperinci terhadap pembangunan;
  - ▶ **menyelaras dan melaksanakan dasar dan strategi rancangan pemajuan yang telah diwartakan kepada bentuk fizikal dalam pentadbirannya; dan**
  - ▶ menjalankan kajian dan kaji selidik perancangan pembangunan.

- Berfungsi sebagai fasilitator kepada pembangunan kawasan pentadbirannya dan juga memenuhi hasrat dan permintaan penduduknya.

## Apakah Tugas Pihak Berkuasa Perancang Tempatan?

- Subseksyen 6(1) memperuntukkan dan menjelaskan tugas utama PBPT iaitu:
  - ▶ Mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kewasanya;
  - ▶ mengusaha, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan pengkaedahannya; dan
  - ▶ melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari semasa ke semasa.



- Tugas-tugas lain PBPT:
  - ▶ Mengkaji dan menyediakan pelan-pelan mengenai pembangunan dan penggunaan tanah mengikut matlamat dan objektif negara;
  - ▶ mencadang dan menyelaraskan pembangunan awam dan swasta untuk diselaraskan dengan matlamat dan objektif negara;
  - ▶ menyelaraskan penyertaan orang awam dalam perancangan, penggunaan dan pembangunan tanah; dan
  - ▶ mengawasi kemajuan pelaksanaan pelan-pelan pembangunan yang disediakan.



## Apakah Peranan PBPT Kepada Awam?

- PBPT adalah pihak yang terlibat dalam perancangan dan kawalan pembangunan kawasan tempatan.



- ❑ Bertanggungjawab dalam menyediakan rancangan tempatan (RT) bagi kawasan pentadbirannya. Semua perancangan kawasan tempatan adalah di bawah bidang tanggungjawabnya.
- ❑ Memainkan peranan dan tanggungjawab penting untuk merancang dan memandu ke arah membangunkan kawasan di bawah pentadbirannya.
- ❑ Merangka strategi dan program yang menyeluruh untuk mencapai matlamat negara dengan kualiti kehidupan yang tinggi di samping menikmati taraf sosio ekonomi yang setanding dengan negara maju.
- ❑ Menjalankan program yang berlandaskan kepada peranan pembangunan negeri, wilayah dan nasional seperti:
  - » Menterjemah matlamat sosio ekonomi dalam bentuk spatial dan fizikal;
  - » menterjemah dasar pembangunan dalam pelan perancangan fizikal;
  - » memberi kepentingan kualiti alam persekitaran dalam perancangan;
  - » memberi keutamaan yang setimpal terhadap keperluan bagi kemudahan perbandaran; dan
  - » berusaha ke arah pembangunan yang berteraskan kecanggihan sains dan teknologi.
- ❑ Menyediakan perancangan infrastruktur atau perkhidmatan awam berdasarkan

kepada keperluan sebenar dan unjuran tepat ke arah mengoptimalkan penggunaan tanah.

- ❑ Pihak awam perlu dan boleh merujuk kepada PBPT untuk mengetahui maklumat terkini yang akan berlaku dalam kawasannya.
- ❑ Segala bantahan juga boleh dibuat sekiranya terdapat rasa terkilan terhadap perancangan pembangunan (Rujuk risalah siri 007 Lembaga Rayuan Perancangan Bandar dan siri 019 Peranan Awam Dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan).
- ❑ Keterangan lebih lanjut mengenai tugas dan peranan PBPT dari aspek perundangan, sila rujuk **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.
- ❑ Panduan nombor telefon atau faks PBT dan JPBD boleh dirujuk risalah siri 013 Senarai PBT dan JPBD di Semenanjung Malaysia.

